

## **PENTAULIAHAN PENGAJARAN AGAMA DI MASJID DAN SURAU: TINJAUAN RINGKAS UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA**

**Zanariah Dimon,<sup>1</sup> Sahlawati Abu Bakar<sup>2</sup> & Mariam Abd Majid<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Syariah & Jurisprudence, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Zanariah Dimon. Faculty of Syariah & Jurisprudence, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: zanariah@kuis.edu.my.

### **Abstrak**

Tauliah ialah kebenaran yang diberikan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu tugas atau perkara seperti menjadi imam, membaca khutbah, mengajar, berceramah, jurunikah dan sebagainya. Tanpa pemberian tauliah, pengajar agama tidak boleh menyampaikan ceramahnya di masjid dan surau. Terdapat banyak kes di negara ini yang melibatkan penahanan pengajar agama tanpa tauliah antaranya tindakan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) menahan penceramah bebas, Ustaz Wan Ji Wan Hussin pada 2019 kerana didakwa mengajar tanpa tauliah.. Pada tahun 2022 ini juga, sekali lagi Mufti Perlis tersebut terlibat dengan sekatan berceramah dalam sebuah program di sebuah negeri yang dibatalkan kerana tidak mempunyai tauliah. Keadaan ini menunjukkan kepentingan pentauliah sebagai asas utama dalam menyampaikan ceramah atau kuliah agama di masjid dan surau di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, peraturan berkaitan pentauliah pengajar agama di masjid dan surau adalah tidak selaras dan tertakluk kepada bidang kuasa dan perundangan di setiap negeri. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai keperluan pentauliah dan kesannya dalam pengajaran agama di masjid dan surau dari aspek perundangan di peringkat negeri di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan kajian keperpustakaan melalui sumber-sumber perundangan dan penulisan-penulisan berkaitan pengajaran agama di masjid dan surau. Kajian ini juga melibatkan analisis dokumen melalui statut-statut pentadbiran agama Islam dan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia bagi mengenalpasti peruntukan undang-undang berkaitan pentauliah pengajar agama di masjid dan surau. Hasil kajian mendapati terdapat peruntukan undang-undang yang jelas di peringkat negeri bagi mengawal dan memastikan pengajaran agama di masjid dan surau tidak menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar. Keperluan

mendapatkan tauliah dalam kalangan pengajar agama di masjid dan surau adalah bertujuan membendung penyelewengan dan mengelakkan kecelaruan dalam masyarakat berhubung pelbagai isu yang berkaitan dengan agama.

**Kata kunci:** tauliah, pengajaran agama, masjid dan surau

## ***(ACCREDITATION OF RELIGIOUS TEACHING IN MOSQUES AND SURAU: A BRIEF REVIEW OF ISLAMIC LAW IN MALAYSIA)***

### **Abstract**

*Accreditation is the permission given to a person to do certain tasks or things such as being an imam, reading a sermon, teaching, lecturing, performing marriage ceremonies and others. Non-accredited religious teachers cannot deliver their lectures in mosques and surau. There are many cases in this country involving the detention of non-accredited religious teachers 2019, the Melaka Department of Islamic Religion (JAIM) arrested independent preacher, Ustaz Wan Ji Wan Hussin for allegedly teaching without credential. Recently, the Mufti of Perlis was involved in a ban on speaking in a program in a state that was canceled due to not having credentials. The rules related to the accreditation of religious teaching in mosques and surau are not the same and are subjected to jurisdiction and legislation in each state. Accordingly, this article aims to explain the requirements of accreditation for each state in Malaysia and its legal effects. This study is a qualitative study that involves literature studies through legal sources and writings related to religious teaching in mosques and surau. This study also involves document analysis through every states' Islamic administration statutes and syariah criminal statutes to identify the legal provisions related to the accreditation of religious teachers in mosques and surau. The results of the study found that there are clear legal provisions at the state level to control and ensure that religious teaching in mosques and surau does not deviate from the true teachings of Islam. The need to obtain accreditation for religious teaching in mosques and surau is aimed at curbing devian teachings and avoiding confusion in society regarding various issues related to religion of Islam.*

**Keywords:** *credentials, religious teaching, mosques and surau*

Received: October 27, 2022

Accepted: December 22, 2022

Online Published: December 31, 2022

### **1. Pendahuluan**

Penyebaran ajaran sesat atau ajaran yang menyeleweng dari al-Quran dan al-Sunnah didapati semakin berleluasa di Malaysia pada masa kini. Di Selangor umpamanya, tidak

kurang daripada 40 ajaran sesat yang dilaporkan wujud di Selangor sehingga kini dan sedang dipantau oleh pihak jabatan agama Islam negeri. Pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak berwajib bagi membanteras penyebaran ajaran sesat tersebut sama ada melalui penguatkuasaan undang-undang atau pewartaan fatwa ajaran sesat. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak mencukupi kerana ia melibatkan proses pendakwaan yang adakalanya mengalami jalan buntu kerana tiada bukti dan saksi yang jelas.

Oleh itu, kawalan di peringkat awal perlu dilaksanakan sebelum ia menular dalam kalangan masyarakat. Antara langkah yang berkesan adalah melalui pemilihan pengajar-pengajar agama di masjid dan surau bagi memastikan ajaran dan fahaman yang disebarkan tidak terpesong dari ajaran agama Islam yang sebenar. Peraturan mengenai keperluan mendapatkan tauliah kepada semua pengajar atau penceramah agama sebelum menyampaikan ceramah dan pengajian di masjid dan surau adalah sangat penting bagi membendung penyelewengan ajaran sesat dan mengelakkan kecelaruan akidah dalam masyarakat. Berdasarkan peraturan tersebut, hanya mereka yang mendapat tauliah dari majlis agama Islam negeri dibenarkan untuk menyampaikan pengajaran kepada masyarakat di negeri yang memberi tauliah sahaja mengikut undang-undang Islam setempat.

Sesungguhnya, pemberian tauliah kepada seseorang pengajar atau penceramah agama adalah sebagai suatu bentuk kawalan undang-undang ke atas penceramah atau pengajar agama Islam di surau, masjid atau kawasan awam di seluruh negeri bagi mengawal kelayakan dan kecenderungan seseorang pengajar. Ini bagi memastikan bahawa seseorang pengajar itu mempunyai ilmu agama yang mencukupi, tidak dipengaruhi sentimen atau aliran yang tidak diterima masyarakat atau mengawal isu-isu yang cuba disampaikan daripada menimbulkan ketidaktertaman dalam masyarakat. Ketiadaan kawalan melalui tauliah atau kelayakan yang sah ini boleh meletakkan masyarakat awam dalam ancaman dan bahaya akibat daripada pengajar atau penceramah agama yang tidak layak, memiliki pemikiran songsang, ekstremis, liberal, sesat dan sebagainya

Justeru, artikel ini akan menjelaskan mengenai peruntukan undang-undang di negeri-negeri di Malaysia mengenai pentauliah berkaitan pengajaran agama di masjid dan surau sebagai jaminan dan kawalan terhadap agama Islam selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan Malaysia berdasarkan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Skop perbincangan adalah berdasarkan undang-undang Islam yang berkuatkuasa di peringkat negeri.

## **2. Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data melalui sumber dokumentasi iaitu sumber rujukan perundangan dan artikel-artikel berkaitan. Kajian ini juga melibatkan analisis dokumen. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, data dianalisis secara induktif dan analisis kandungan melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui dokumen-dokumen berkaitan.

### **3. Dapatan dan Perbincangan**

Dapatan kajian dan perbincangan meliputi aspek-aspek berkaitan pengajaran agama di majlis dan surau sebagai asas penting untuk mengimarahkan fungsi masjid sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan kepentingan tauliah mengajar agama bagi setiap pengajar, penceramah atau pendakwah. Selain itu, dikemukakan dapatan berkaitan undang-undang yang berkuatkuasa di peringkat negeri-negeri di Malaysia mengenai pentauliah pengajaran agama dan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah.

#### ***3.1 Pengajaran Agama di Masjid dan Surau***

Matlamat pengimarah masjid adalah memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk memakmurkan masjid serta mengembangkan potensi masjid sebagai pusat keagamaan (Priyono et al., 2020). Selain itu, masjid juga berfungsi sebagai pusat kecemerlangan ilmu bagi membantu masyarakat menambah ilmu pengetahuan. Program pengimarah masjid dijalankan melalui perancangan program bersifat spiritual dan program-program sosial kemasyarakatan (Mustari & Jasmi, 2008).

Mohd Ridhuan et al. (2019) menjelaskan prinsip imarah ialah mengajak manusia bertakwa dan menjauhkan maksiat, meninggikan syiar Islam dan menghapuskan syirik dan membimbing golongan jahil. Masyarakat mempunyai pelbagai motivasi untuk menghadiri masjid, termasuk belajar tentang Islam, beribadah, bersosial, melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, mendapatkan sokongan kewangan dan sebagainya (Nyhagen, 2019).

Kajian-kajian yang dilakukan mengenai aktiviti pengimarah masjid menyenaraikan aktiviti-aktiviti seperti gotong royong pembersihan masjid dan kampung, majlis ilmu seperti kuliah, pembacaan surah Yasin serta kursus haji dan umrah. Di samping itu, ada juga masjid-masjid yang mengadakan kelas tambahan di masjid, kursus kaedah mengulangkaji pelajaran dan ceramah persediaan sebelum menghadapi peperiksaan (Ismail, 2015; Muhyiddin & Ridouan, 2020; Mustari & Jasmi, 2008; Norani & Abdullah, 2020).

Walaupun banyak aktiviti yang dijalankan di masjid, aktiviti utama yang kebiasaannya menjadi tumpuan utama ialah pengajaran kuliah-kuliah agama. Aktiviti pengajian keagamaan yang dijalankan di masjid seperti kuliah subuh, kuliah dhuha, kuliah zohor, kuliah maghrib, kuliah takmir, kuliah bulanan dan ceramah umum. Selain itu, terdapat juga pengajian bukan takmir dalam pelbagai bidang dengan tumpuan lima aspek penting iaitu tauhid, fikah, tasawuf, hadis dan tafsir.

Pengajaran kuliah-kuliah agama ini dibuat secara berkala sama ada harian, mingguan, bulanan atau kuliah perdana. Manakala kaedah pengajaran biasanya dibuat secara bersemuka di dewan utama masjid atau bilik-bilik khas yang ada di kawasan masjid. Penceramah yang dijemput untuk menyampaikan kuliah pula adalah terdiri dalam kalangan pakar dalam bidang dan perlu mempunyai tauliah berdasarkan syarat yang telah ditetapkan oleh majlis agama Islam negeri masing-masing (Engku Ahmad Zaki, 2008)

#### ***3.2 Tauliah Mengajar Agama***

Tauliah secara literal bermaksud surat kuasa (sebagai wakil dan lain-lain), ataupun surat kepercayaan (Kamus Dewan, 2007). Manakala dari segi istilah, tauliah ialah kebenaran

yang diberikan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu tugas atau perkara seperti menjadi imam, membaca khutbah, mengajar, berceramah, jurunikah dan sebagainya (Muhammad Helmi & Mohammad Husni, 2016). Berdasarkan maksud ini, istilah “tauliah” pada asalnya adalah umum iaitu merujuk kepada apa sahaja keizinan, kuasa atau tugas yang dibenarkan oleh undang-undang dalam melakukan sesuatu perkara. Manakala tauliah bagi maksud pendidikan dan pengajaran ialah kebenaran ke atas seseorang pengajar, pendidik, guru, ustaz dan sebagainya untuk mengajar kepada masyarakat awam di sesebuah negeri berdasarkan undang-undang pentadbiran agama yang berkuatkuasa di negeri tersebut (Muhammad Helmi & Mohammad Husni, 2016). Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 pula mentafsirkan mengajar agama termasuklah memberi ceramah, tazkirah atau perkara-perkara yang berhubungan dengannya, tentang agama Islam kepada orang ramai.

Menurut Engku Ahmad Zaki (2008), kelas-kelas pengajian agama di masjid meliputi pelbagai bidang dengan tumpuan empat aspek penting iaitu tauhid, fiqh, tasawuf dan tafsir. Kelas-kelas tersebut biasanya diadakan pada waktu maghrib yang dikendalikan oleh guru-guru agama bertauliah yang dilantik oleh jabatan agama Islam negeri. Kelas-kelas pengajian agama di masjid adalah satu usaha berterusan ke arah mengembangkan Islam kepada masyarakat umum dan merubah sikap masyarakat dalam menghayati Islam secara syumul untuk mencapai kebajikan dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Oleh sebab itu, pentingnya pentauliahan terlebih dahulu diberikan kepada penceramah agama sebagai bukti keautoritian mereka dalam menyampaikan ilmu agama berkaitan.

Tujuan tauliah mengajar agama ini adalah untuk memberikan garis panduan kepada penceramah, pendakwah dan pengajar agama dalam menyampaikan ilmu agar menepati kehendak Islam, mengekang penyebaran ideologi sesat, menyeleweng, amalan-amalan bidaah, khurafat dan hadis-hadis palsu dalam kalangan umat Islam dan mengharmonikan perselisihan pandangan di kalangan tenaga pengajar atau penceramah agar dapat diterima dengan baik dan berlapang dada dalam kalangan masyarakat. Selain itu juga, ia dapat mengelakkan sikap dan akhlak yang buruk seperti mencerca, memaki hamun terhadap mana-mana pihak dan bagi memahami hakikat situasi masyarakat yang ingin disampaikan ilmu serta mengetahui kemampuan sebenar penerima tauliah (Bahagian Penguatkuasaan. Mengajar Agama Tanpa Tauliah. Retrieved 13 Oktober 2022, from URL [www.jheains.ns.gov.my](http://www.jheains.ns.gov.my)).

Oleh itu, pihak berkuasa agama setiap negeri bertanggungjawab untuk menjaga umat Islam di negeri masing-masing terutama dari sudut akidah dan syariah supaya mereka tidak menyimpang dari jalan yang benar serta mengambil tindakan sekiranya ada pihak-pihak yang melanggar ketetapan yang termaktub di dalam undang-undang berkaitan. Antara aspek yang menjadi tanggungjawab pihak berkuasa agama negeri ialah memastikan setiap guru atau penceramah yang mengajar dan membimbing masyarakat Islam itu mempunyai tauliah (Engku Ahmad Zaki, 2008). Tauliah agama cukup penting sebenarnya bagi memastikan mereka yang diiktiraf sahaja dibenarkan untuk mengajar dan membimbing masyarakat. Pemberian tauliah ini pula mestilah dibuat oleh orang yang mempunyai kelayakan dan kewibawaan sebagai alim ulama dan pakar bidang yang berautoriti. Oleh sebab itu, di peringkat negeri ditubuhkan Jawatankuasa Tauliah yang akan membuat penilaian dan pemilihan orang yang layak menerima sijil tauliah bagi mengajar dan menyampaikan ilmu

kepada masyarakat (Sistem Tauliah Mengajar Selangor. Retrieved 13 Oktober 2022, from URL <http://tauliah.jais.gov.my>). Ia jelas menunjukkan bahawa syarat guru atau penceramah mempunyai tauliah adalah sangat penting kerana ia berkait rapat dengan pembentukan kefahaman masyarakat yang betul terhadap ajaran agama.

### **3.3 Undang-undang Berkaitan Pentauliah Pengajaran Agama di Malaysia**

Sebelum membincangkan perundangan terkini berkaitan tauliah pengajaran agama di Malaysia pada masa kini, sebenarnya sejak dahulu lagi telah terdapat undang-undang yang dikanunkan bagi mengawal pengajaran agama dalam kalangan umat Islam terutamanya pada zaman pemerintahan penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Antara statut yang dikenalpasti mengandungi peruntukan berkaitan tauliah agama adalah di Kelantan iaitu *The Notice Requiring of Obtain Authority of Teaching Islamic Mysticism* 1917 dan *The Notice of the Prohibition of Teaching of Muhammadan Religion or Delivering Fatwa by Unauthorised Persons and Required of Ask the Majlis Approvel of 1917*. Di Kedah juga pada tahun 1917 telah diperkenalkan undang-undang mengenai pengajaran agama ini. Undang-undang tersebut dikenali dengan Undang-undang Menjaga Orang-orang Luar yang Mengajar Ugama (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 1997). Seterusnya di dalam enakmen pentadbiran Islam yang pertama di Tanah Melayu, iaitu Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952, terkandung peruntukan seksyen 166 berkaitan peraturan mengenai keperluan memiliki tauliah mengajar agama kepada orang awam (Siti Zubaidah, 2010).

Kini, semua di negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan peraturan atau kaedah bagi mensyaratkan mana-mana pihak yang berhasrat untuk memberi ceramah atau menyampaikan ilmu di masjid dan surau perlu mendapatkan sijil tauliah mengajar agama daripada pihak berkuasa agama negeri berkenaan. Peruntukan yang berkaitan terdapat dalam akta/enakmen/ordinan pentadbiran agama Islam negeri-negeri. Melalui undang-undang tersebut, majlis agama Islam negeri mempunyai kuasa untuk melantik satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Tauliah seperti di negeri Selangor dan Negeri Sembilan atau dikenali juga di negeri-negeri lain sebagai Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam (Kedah, Pulau Pinang dan Perak, Kelantan) yang bertanggungjawab untuk membuat penilaian, mengawal dan memberi lesen tauliah kepada pengajar dan penceramah untuk berceramah di masjid dan surau bagi setiap negeri. Keanggotaan Jawatankuasa Tauliah di Selangor terdiri daripada Mufti dan di antara tiga dan tujuh orang lain dengan pengalaman yang mencukupi, pengetahuan dan kepakaran, mempunyai kuasa untuk memberikan dan menarik balik tauliah bagi tujuan mengajar agama Islam atau apa-apa yang berhubung dengan pengajaran agama Islam.

Peruntukan yang berkaitan ialah seksyen 118, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2002 memperuntukkan:

- (1) Majlis hendaklah melantik suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Tauliah, yang hendaklah terdiri daripada:
  - (a) Mufti sebagai Pengerusi; dan
  - (b) tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai.

- (2) Majlis hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa itu.
- (3) Jawatankuasa Tauliah hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan tauliah bagi maksud pengajaran agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam dan untuk menarik balik tauliah itu.

Bagi memperincikan peraturan berkaitan kaedah pentauliahan ini dan sebagai panduan kepada pengurusan pentauliahan di peringkat negeri, terdapat negeri-negeri di Malaysia yang menggubal undang-undang kecil dalam bentuk peraturan, kaedah atau garis panduan. Antaranya adalah Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008, Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Sembilan) 2012 dan yang terkini, Peraturan Kebenaran Mengajar dan Kebenaran Khas Berceramah 2018 di Pahang. Penggubalan pkeraturan tersebut menunjukkan pihak berkuasa agama negeri sangat mengambil perhatian dan memberi keutamaan kepada kawalan dan jaminan terhadap aspek keagamaan khususnya bagi mengelakkan penyelewengan ajaran Islam daripada menular dalam masyarakat.

Secara umumnya, terdapat lima kategori dalam pemberian tauliah bagi pengajaran agama di masjid dan surau yang meliputi perkara-perkara berikut (Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008:

- (a) Tauliah Ceramah Umum yang membenarkan pemegangnya memberi ceramah umum berhubung dengan apa-apa aspek agama Islam di mana-mana tempat dan dengan apa-apa jua cara selain dari mengajar agama Islam secara berkala;
- (b) Tauliah Mengajar Agama Islam berkitab yang membenarkan pemegangnya mengajar agama Islam secara berkala di mana-mana tempat;
- (c) Tauliah Khas yang membenarkan seseorang yang bukan warganegara yang dijemput khas oleh Kerajaan Negeri, jabatan atau agensinya memberi ceramah umum berhubung dengan apa-apa aspek Agama Islam dalam program tertentu;
- (d) Tauliah Mengajar al-Quran yang membenarkan pemegangnya mengajar al-Quran di mana-mana premis; atau
- (e) Tauliah Khas bagi individu yang tidak memiliki kelayakan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 11(1)(f) untuk mengajar bidang tertentu.

Berdasarkan ketetapan dalam negeri masing-masing, setiap penceramah atau pengajar agama yang berhasrat mendapatkan sijil tauliah perlu membuat permohonan di di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) masing-masing. Sebagai contoh di Selangor melalui peruntukan dalam Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 menetapkan bahawa pemohon yang mengemukakan permohonan sijil tauliah perlu menjalani ujian bertulis dan temuduga secara lisan bersama panel pentauliahan yang telah ditetapkan. Keputusan pentauliahan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tauliah atau Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam di negeri masing-masing selepas membuat penilaian secara teliti terhadap syarat-syarat kelayakan pentauliahan.

Kelayakan pentauliahan adalah berbeza mengikut peraturan yang ditetapkan dalam setiap negeri. Sebagai contoh di Selangor, syarat kelayakan yang ditetapkan adalah pemohon mestilah beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah; berumur 18 tahun ke atas;

sihat tubuh badan dan sempurna akal; berakhlak dengan akhlak Islam; tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah; mempunyai pengetahuan agama Islam sekurang-kurangnya di peringkat Empat Sanawi atau yang setaraf dengannya dan lulus ujian bertulis atau temuduga yang dijalankan oleh Jawatankuasa, jika dikehendaki oleh Jawatankuasa (Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008). Manakala di Wilayah Persekutuan pula, pemohon disyaratkan memenuhi perkara-perkara berikut iaitu memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada universiti tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada mana-mana institusi pengajian Islam tempatan; atau berpengetahuan dalam Hukum Syarak; dan telah mencapai umur dua puluh satu tahun dan dalam hal pengajaran Al-Quran dan tajwid, lapan belas tahun (Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006).

Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada pihak-pihak yang telah dinamakan dalam undang-undang daripada mendapatkan tauliah dengan kebenaran Jawatankuasa Tauliah melalui notis bertulis. Antaranya adalah dalam kalangan alim ulama atau tokoh agama tempatan tertentu atau alim ulama atau tokoh agama luar negeri yang dijemput secara rasmi atau atas jemputan khas Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, jabatan atau agensinya; Mufti-mufti Negeri dan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri; Hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-Negeri; Menteri atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dengan Hal Ehwal Islam atau Ketua Jabatan Agama Islam Negeri atau ahli Majlis Agama Islam Negeri-Negeri; dan Pegawai Hal Ehwal Islam atau pegawai Agama Islam Persekutuan dan Negeri, Pensyarah-pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti-universiti tempatan atau Institusi Pengajian Tinggi Tempatan, Guru Agama Kementerian Pendidikan atau Guru Agama Jabatan. (Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008).

Kebenaran mengajar agama ini hanya terpakai untuk negeri yang mengeluarkan sijil tauliah tersebut. Sekiranya penceramah itu memperolehi sijil tauliah di Selangor, maka dia hanya dibenarkan mengajar atau menyampaikan ceramah agamanya di negeri Selangor dan bukannya di negeri-negeri lain. Ini kerana urusan berkaitan hal ehwal agama Islam tertakluk kepada bidang kuasa negeri masing-masing berdasarkan peruntukan dalam Butiran 1, Jadual Kesembilan, Senarai 2 Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Tempoh sah laku tauliah juga bergantung kepada ketetapan negeri. Selangor menetapkan tempoh 5 tahun sah laku tauliah sebagaimana peruntukan dalam Peraturan 14, Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008, manakala Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan 3 tahun dan Pahang 2 tahun sahaja (Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006, Peraturan 15, Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Sembilan) 2012). Bagaimanapun, dalam tempoh tersebut, Jawatankuasa Tauliah di peringkat negeri berhak untuk menggantung atau menarik balik tauliah sekiranya penceramah atau pengajar agama itu melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan. Contohnya seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan 17, Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.

Pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan 17 tersebut sehingga membolehkan sijil tauliah digantung atau ditarik balik adalah adalah pemegang tauliah telah didapati melanggar atau tidak mematuhi atau tidak menjalankan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam tauliah; pemegang tauliah memberi ceramah umum atau mengajar pengajaran agama Islam secara yang bertentangan dengan syariah atau aqidah Islamiah dan pemegang tauliah memberi ceramah umum atau memberi pengajaran Agama Islam yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau bagi mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk Malaysia. Selain itu, pemegang tauliah memberi tafsiran yang tidak tepat, keliru atau menyeleweng dari ajaran sebenar agama dalam ceramah umum atau pengajaran agama Islamnya dan pemegang tauliah tidak mematuhi apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan secara sah oleh MAIS atau Jawatankuasa; atau Pemegang Tauliah berkelakuan dengan cara yang mencemarkan Agama Islam.

Sehubungan itu, penceramah atau pengajar agama di masjid dan surau yang telah mendapat tauliah perlu mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam undang-undang berkaitan pentauliah di peringkat negeri yang menganugerahkan tauliah tersebut. Sebagai contoh, Peraturan 23, Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 menetapkan syarat kewajipan kepada penerima tauliah mengajar agama supaya memberi ceramah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bersumberkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (Sunni), berakhlak mulia dan tidak terlibat dengan jenayah, tidak memfitnah saudara Islam lain, tidak menyentuh mana-mana parti politik masa berceramah dan mematuhi undang-undang negara dan setiap garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jawatankuasa Tauliah.

Jadual berikut memperincikan peruntukan undang-undang berkaitan pentauliah bagi pengajaran agama di masjid dan surau di peringkat negeri-negeri di Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan bahawa kesemua negeri di Malaysia telah memperuntukkan kawalan dan jaminan dalam pengajaran agama Islam di masjid, surau dan kawasan umum yang lain dalam negeri tersebut melalui undang-undang dan peraturan berkaitan pentauliah. Jawatankuasa khas telah dibentuk di setiap negeri bagi mengawal dan memantau pemilihan dan pentauliah setiap pengajar, penceramah dan pendakwah yang berhasrat menyampaikan ilmu dalam pelbagai bidang di negeri tersebut.

Jadual 1: Undang-undang Pentauliah Pengajaran Agama di Masjid dan Surau

Bil	Negeri	Undang-undang	Peruntukan	Nama Jawatankuasa Memberi Tauliah	Kaedah/Peraturan
1	Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006	seksyen 118	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama	
2	Kedah	Enakmen Pentadbiran	Seksyen 81	Jawatankuasa Pengawasan	

		Undang-undang Islam 2008		Pengajaran Agama Islam	
3	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Seksyen 118	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	
4	Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Seksyen 106A	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	
5	Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003	Seksyen 118	Jawatankuasa Tauliah	Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008
6	Wilayah Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 2002	Seksyen 96	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	
7	Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003	Seksyen 118	Jawatankuasa Tauliah	Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Sembilan) 2012
8	Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2002	Seksyen 106	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	
9	Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003	Seksyen 118	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	
10	Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991	Seksyen 112	Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Agama Islam	Kaedah-kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam (Pahang) 2017
11	Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001	Seksyen 102	Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam	
12	Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat	Seksyen 91	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	

		Istiadat Melayu Kelantan 1994			
13	Sabah	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1992	Seksyen 81	Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	
14	Sarawak	Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001	Seksyen 58(1)(d)	Jawatankuasa Pemberian Tauliah Mengajar Agama Islam	Arahan Pentadbiran Pentauliah Mengajar Agama Islam Sarawak 2014

Sumber: Undang-undang Syariah. Retrieved 13 Oktober 2022. From URL [www.esyariah.gov.my](http://www.esyariah.gov.my).

### **3.4 Kesalahan Mengajar Tanpa Tauliah**

Kawalan perundangan yang dibuat terhadap semua bentuk pengajaran agama sama ada di masjid, surau atau tempat awam yang lain mempunyai implikasi undang-undang jika tidak dipatuhi. Berdasarkan enakmen negeri-negeri, perbuatan mengajar agama tanpa tauliah adalah merupakan satu kesalahan jenayah syariah. Peruntukan kesalahan tersebut dimasukkan dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negeri atau undang-undang jenayah syariah negeri atau terdapat juga negeri-negeri yang memperuntukkan kesalahan tersebut dalam kedua-dua undang-undang tersebut.

Contohnya di Selangor, ia diperuntukkan dalam Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003:

- (1) Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Manakala peruntukan yang lain seperti yang terdapat dalam Seksyen 108, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 menyatakan:

Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau mana-mana perkara tentang agama Islam tanpa tauliah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah juga terdapat dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Antaranya peruntukan dalam seksyen 14(1) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 iaitu:

Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perincian kesalahan dan hukuman bagi perbuatan mengajar agama tanpa tauliah dalam undang-undang Islam di peringkat negeri dijelaskan dalam jadual berikut:

Jadual 2. Kesalahan Mengajar Tanpa Tauliah

Bil	Negeri	Undang-undang	Peruntukan Kesalahan	Penalti (maksimum)
1	Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006	Seksyen 119	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
		Enakmen Jenayah Dalam Syarak	Seksyen 33	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
2	Kedah	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 2008	Seksyen 84	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
3	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Ss 119	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
		Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996	Seksyen 11	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
4	Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004	Seksyen 108	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
		Enakmen Jenayah Syariah 1995	Seksyen 14	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
5	Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003	Seksyen 119	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
		Enakmen Jenayah Syariah 1995	Seksyen 14	Denda RM3000 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya
6	Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Seksyen 11	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
7	Negeri	Enakmen Jenayah	Seksyen 53	Denda RM1000 atau

	Sembilan	Syariah 1992		penjara 1 tahun atau kedua-duanya
8	Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2002	Seksyen 107	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
		Enakmen Kesalahan Syariah 1991	Seksyen 70	Denda RM5000 atau penjara 36 bulan atau kedua-duanya
9	Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003	Seksyen 119	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
		Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Seksyen 11	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
10	Pahang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Seksyen 52	Denda RM2000 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya
11	Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001	Seksyen 103	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
12	Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1994	Seksyen 117	Denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
13	Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995	Seksyen 49	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya
14	Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Seksyen 11(1)	Denda RM5000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya

Sumber: Undang-undang Syariah. Retrieved 13 Oktober 2022. From URL [www.esyariah.gov.my](http://www.esyariah.gov.my).

Walau bagaimanapun, peruntukan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah tidak terpakai kepada mana-mana orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh Majlis agama Islam di bawah undang-undang berkaitan dan mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarganya sahaja sebagaimana yang diperuntukkan dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh peruntukan dalam seksyen 14(2) Enakmen Jenayah syariah (Selangor) 1995 dan seksyen 11 Akta Kesalahan Jenayah Sayriah (Wilayah Persekutuan) 1997. Sementara itu, dari segi hukuman bagi kesalahan mengajar agama tanpa tauliah pula adalah tidak selaras di antara negeri-negeri. Hukumannya berbeza tetapi masing-masing memperuntukkan hukuman denda atau penjara. Tiada hukuman sebatan diperuntukkan bagi kesalahan tersebut. Purata hukuman adalah seperti denda RM5,000 atau penjara 3 tahun bagi negeri Kedah, Pulau Pinang, Johor, denda RM3,000 atau penjara 2 tahun bagi negeri Selangor, denda RM2,000 atau penjara setahun bagi negeri Pahang dan denda RM1,000 atau penjara setahun bagi Negeri Sembilan.

Dalam kes yang diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah Klang, Selangor iaitu *Pendakwa Syarie lwn. Khalid bin Abdul Samad* (Kes Jenayah No: 10003- 137-0105-2013), tertuduh telah didakwa mengajar perkara-perkara tentang agama Islam tanpa tauliah di dalam sebuah surau di Klang, Negeri Selangor. Perbuatan tersebut adalah berkaitan dengan kesalahan mengajar tanpa tauliah di bawah seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Tertuduh telah disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM2900.00 atau dipenjarakan tiga (3) bulan sekiranya gagal membayar denda.

Sesungguhnya, peruntukan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah adalah salah satu dari aspek kawalan bagi membendung penyebaran ajaran sesat yang boleh mengancam akidah umat Islam. Kawalan dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan bukan sahaja bagi penceramah atau pengajar agama di masjid dan surau tetapi termasuk juga pengajaran agama dalam talian sebenarnya. Menurut Siti Zubaidah (2010), penyelesaian isu berkaitan ajaran sesat di Negara ini sebenarnya bukan terletak pada perundangan sahaja, sebaliknya ia berbalik kepada kesedaran beragama seseorang. Meningkatkan kefahaman ilmu agama mestilah menerusi kaedah yang formal membabitkan institusi agama seperti masjid dan pengajar yang mempunyai tauliah dan latar belakang agama yang diketahui. Semua pihak berwajib terutama di bawah jabatan agama Islam seperti bahagian dakwah, bahagian pendidikan, bahagian masjid dan juga penguatkuasa agama perlu menjadikan agenda pamberantasan penyelewengan akidah berada dalam keutamaan mereka.

#### **4. Penutup**

Dapatan kajian merumuskan bahawa tauliah adalah prasyarat sebelum seseorang itu dibenarkan untuk mengajar agama Islam sebagai asas kepada kelayakan ilmu penyampainya. Peraturan berkaitan tauliah mengajar agama kepada semua penceramah, pengajar dan pendakwah adalah salah satu kaedah penting bagi mengawal dan menjamin penyampaian ilmu agama dalam kalangan masyarakat. Bagi memastikan pengajaran agama Islam tidak menyeleweng dari ajaran al-Quran dan al-Sunnah ajaran Islam yang sebenar, maka pihak berkuasa agama perlu melaksanakan pemantauan dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika perlu dari aspek penguatkuasaan undang-undang. Malahan, keperluan pentauliahan bagi pengajar agama di masjid dan surau seharusnya diperluaskan kepada semua bentuk pengajaran agama dalam talian bersesuaian dengan keperluan teknologi semasa dan dunia tanpa sempadan kini.

#### **RUJUKAN**

Bahagian Penguatkuasaan. Mengajar Agama Tanpa Tauliah. Retrieved 13 Oktober 2022, from URL [www.jheains.ns.gov.my](http://www.jheains.ns.gov.my)).

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2008. Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam. *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari*. Jil 1, 2008. 7-21

<http://tauliah.jais.gov.my>. E.Tauliah. sistem Tauliah Mengajar Selangor. 21 Disember 2022

Ismail, M. A. (2015). Pengurusan perpustakaan masjid, surau dan balai ibadat: Pengalaman

Negara Brunei Darussalam. *Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Jubli Emas Masjid Negara*, 1–21.  
<http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/4051>

Kamus Dewan. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 1997. Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit UM

Muhammad Helmi b, Jalil, Mohammad Husni b Ali@ Buraidah. 2016. Menilai Isi Kandungan Ceramah: Kajian Kes Penceramah Yang Ditauliahkan Oleh Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Reflektika*. Vol. 12, No 12, 1 – 13

Mohd Ridhuwan, R., Muhd Najib, A. K., Fadlan, O., & Siti Azimah, S. (2019). Prinsip Al-Imarah Dalam Kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid. *Jurnal Al-Turath*, 4(2), 28–36.

Muhyiddinn, A. D., & Ridouan, A. (2020). Peranan ahli kariah masjid dalam mengimarahkan aktiviti-aktiviti masjid : Satu kajian di masjid Taman Bukit Bendera ,Mentakab Pahang Darul Makmur. *Al-Sirat*, 19, 117–134.

Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Nur Solehah Mohd Yazid, Mohd Hasrul Shuhari, Najihah Abdul Wahid.T.t. Peranan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Dalam Menangani Isu Ekstremisme Di Selangor. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 21(1): 214-226

Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis aktiviti pengajian keagamaan di institusi masjid-masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119–129.

Nyhagen, L. (2019). Mosques as gendered spaces: The complexity of women’s compliance with, and resistance to, dominant gender norms, and the importance of male allies. *Religions*, 10(5), 1–15. <https://doi.org/10.3390/rel10050321>

Priyono, D. J., Fawaidi, B., & Nurhayati, U. (2020). Pemberdayaan masjid: Pembinaan masjid agar menjadi masjid yang makmur di Masjid Al-Huda Dusun Darussalam Desa Jatimulyo Kecamatan Jenggawah Kabupaten Jember. *Al-Ijtima’ : Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 1(1), 26–40.

Siti Zubaidah Ismail. 2010. Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*. Jil. 18, Bil. 2 (2010). 247-276

Statut:

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 2008

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003  
Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 2002  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka 2002  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 2003  
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1991  
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001  
Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994  
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah 1992  
Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997  
Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Negeri Perlis) 1991  
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 1988  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996  
Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992  
Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995  
Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992  
Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013  
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985  
Enakmen Kesalahan Jenayah (Takzir) (Terengganu) 2001  
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995  
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001

Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006  
Kaedah-kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam (Pahang) 2017  
Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008